

# Muhammad Yunus jamin lindungi hak semua rakyat Bangladesh: Anwar

PM nyatakan Malaysia sedia beri kerjasama kepada Ketua Penasihat Kerajaan Interim

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan beliau gembira dengan jaminan diberikan Ketua Penasihat Kerajaan Interim Bangladesh, Dr Muhammad Yunus untuk melindungi dan memberi layanan saksama kepada semua rakyat negara itu termasuk golongan minoriti.

Perdana Menteri berkata, jaminan itu diberikan ketika beliau menghubungi Muhammad melalui telefon untuk menzahirkan ucapan tahniah, selain bertanyakan khabar susulan pelantikan sebagai Ketua Penasihat Kerajaan Interim Bangladesh baru-baru ini.

"Prof Yunus (Muhammad) mempunyai sejarah hubungan baik dengan Malaysia.

"Justeru, saya memberi jaminan kesediaan Malaysia untuk membantu Bangladesh mengembalikan keamanan dan ketenteraman ke arah pembangunan se-

mula negara itu.

"Saya juga gembira dengan jaminan diberikan beliau untuk melindungi dan memberi layanan saksama kepada semua warga Bangladesh termasuk golongan minoriti.

"Prof Yunus (Muhammad) turut menjemput saya untuk melakukan lawatan pendek ke Bangladesh dalam masa terdekat bagi mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan di antara kedua-dua negara," katanya melalui Facebook.

Minggu lalu, Muhammad, 84, yang juga pemenang Hadiah Nobel mengangkat sumpah jawatan untuk mengetuai kerajaan peralihan terdiri 17 anggota di Bangladesh.

Ia berlaku selepas protes berminggu-minggu yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Liga Awami pimpinan Perdana Menteri, Sheikh Hasina.

Majlis angkat sumpah Muhammad dan pasukannya berlangsung di pejabat Presiden Mohammed Shahabuddin di ibu negara Dhaka.

## Terima kunjungan Ketua Republik Tatarstan

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri menerima kunjungan hormat Ketua Republik Tatarstan, Rustam Minnikhanov, di Perdana Putra di Putrajaya, kelmarin.

Kunjungan itu bersempena lawatan kerja dua hari Minnikhanov ke Malaysia.

"Kami berbicara panjang ber-



Anwar menerima kunjungan hormat Rustam Minnikhanov di Perdana Putra, Putrajaya, kelmarin, bersempena lawatan kerja dua hari Ketua Republik Tatarstan itu ke Malaysia. (Foto ihsan FB Perdana Menteri)

hubung usaha memperkukuh hubungan dua hala antara Russia dengan dunia Islam, khususnya membabitkan negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

"Perbincangan kami turut menyetujui penyertaan Malaysia ke gabungan Brazil, Russia, India,

China dan Afrika Selatan (BRICS).

"Saya menegaskan komitmen Malaysia untuk menyertai gabungan ini, seperti mana yang sudah dinyatakan kepada Russia sebelum ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu juga digunakan un-

tuk meneroka potensi memperluas kerjasama dalam pelbagai bidang terutama dalam sektor halal, selain usaha memperkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan.

Republik Tatarstan adalah sebuah wilayah majoriti Islam dalam Persekutuan Russia.